

**TEKS ALUAN
YBHG. DATO' ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

MAJLIS PEWAKAFAN

**DAN PENYERAHAN BANGUNAN
WAKAF**

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI
JOHOR (MAINJ) BERSAMA ANGKASA**

**25 SEPTEMBER 2017, BANDAR BARU
UDA, JOHOR BAHRU**

Bismillahirahmanirahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh**

Terima Kasih Pengacara Majlis

[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA]

**Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan
dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, pada pagi yang mulia ini kita dapat bersama-sama di **Majlis Pewakafan dan Penyerahan Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)** bersama Angkatan

Koperasi Kebangsaan Malaysia **Berhad (ANGKASA).**

2. Terlebih dahulu, saya mewakili keseluruhan warga ANGKASA mengucapkan jutaan terima kasih kerana pihak MAINJ kerana

menganjurkan majlis yang begitu bermakna dan bersejarah ini.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

3. Mungkin kebanyakan kita, mengetahui ANGKASA tetapi

mungkin kurang mengenalinya. Sekadar perkongsian, ANGKASA merupakan badan puncak yang menaungi gerakan koperasi Malaysia yang diiktiraf Kerajaan Malaysia untuk mewakili gerakan itu di peringkat nasional dan

antarabangsa. **Setakat 31 Disember 2016 berdasarkan statistik yang dikeluarkan SKM terdapat lebih 13,000 (13,428) koperasi yang berdaftar dengan lebih 7 juta anggota (7.06 juta) yang menyumbang perolehan sebanyak**

lebih RM39 bilion. Aset terkumpul yang dicatatkan berjumlah RM130.74 billion dan syer/yuran RM13.991 billion.

4. Melihat angka ini, koperasi merupakan gerakan besar yang

mendapat pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai agen pembangunan masyarakat yang paling berkesan di dunia.

5. Di peringkat antarabangsa, ANGKASA menjadi anggota **International Co-operative Alliance (ICA)** dan **ASEAN Co-operative Organization (ACO)** yang mana saya adalah Presidennya. Sebagai sebuah organisasi yang bertaraf

APEX dan global, ANGKASA merangka banyak program berkait ekonomi, pembangunan masyarakat, pendidikan dan lain-lain untuk kepentingan gerakan koperasi.

6. ANGKASA juga memainkan peranan yang cukup penting di dalam memastikan koperasi ahli ANGKASA diberikan perkhidmatan yang berteraskan syariah bagi memastikan setiap koperasi melunaskan kewajipan mereka

membayar zakat perniagaan dan memastikan perjalanan koperasi mematuhi syariah. Selain itu, ANGKASA juga sangat menggalakkan koperasi menyumbang dalam bentuk wang

tunai untuk tujuan wakaf melalui program Infaq Lil-Waqf ANGKASA.

7. Ini adalah satu transformasi dan usaha murni ANGKASA menyahut seruan agama dalam memastikan koperasi

mengendalikan setiap aktiviti muamalah berdasarkan prinsip-prinsip syariah serta seimbang antara dunia dan akhirat.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

8. Program Infaq Lil-Waqf ini dilancarkan pada 15 Ogos 2011 berobjektifkanuntuk:

- Menggalakkan anggota koperasi membudayakan amalan berwakaf;

- Membangunkan harta untuk tujuan diwakafkan bagi kepentingan masyarakat umum khususnya warga koperasi;

- Menyediakan saluran kebaikan yang sistematik, dinamik dan bersepadu.
9. Alhamdulillah, program Infaq Lil-Waqf turut mendapat sokongan dan sambutan yang baik dari para

penyumbang yang terdiri dari **Warga Koperasi dan Pelanggan Biro Potongan ANGKASA (BPA)**. ANGKASA telah menyediakan pelbagai kaedah untuk memastikan budaya dan amalan berwakaf ini dapat dipermudahkan. Selain

melalui sumbangan tunai dan potongan gaji, sumbangan juga boleh disalurkan secara online melalui CIMB Click.

10. Pihak koperasi juga telah memberikan komitmen yang begitu

padu dengan memberikan sumbangan mereka secara:

- Bulanan,
- Sumbangan dari hasil keuntungan tahunan koperasi,

- Secara potongan gaji anggota dan kakitangan sekurang-kurangnya RM 1.00 sahaja.

11. Sehingga Ogos 2017, sumbangan terkumpul berjumlah **RM 9.5 juta**. Jumlah ini termasuk **RM 1**

juta sumbangan ANGKASA setiap tahun kepada program ini.

12. Hasil dana tersebut, bermula 2014 ANGKASA telah membangunkan beberapa projek antaranya;

- Penubuhan Pusat Jagaan Darul Sakinah ANGKASA yang menempatkan anak yatim dan asraf,

- Projek pembangunan ekonomi bersama Koperasi Kariah Masjid terpilih di seluruh negara,
- Menyumbang Mesin Dialisis dan bantuan kos rawatan pesakit Dialisis

kepada Koperasi, Hospital Kerajaan, Hospital Swasta, NGO dan lain-lain;

- Di samping projek-projek yang lain yang masih di dalam perancangan.

13. ANGKASA turut memberi tumpuan dalam pembangunan sektor ekonomi dengan membeli premis perniagaan di setiap negeri dan diwakafkan kepada Majlis Agama Islam Negeri berkenaan. Tujuannya untuk membangunkan

ekonomi umat Islam dalam menyediakan tempat perniagaan di kawasan strategik dan menjadi tumpuan aktiviti perniagaan. Premis perniagaan ini akan disewakan kepada para usahawan khususnya dari gerakan koperasi dengan kadar

sewaan yang kompetitif. Hasil sewaan tersebut akan disalurkan semula kepada dana Infaq Lil-Waqf untuk ANGKASA merangka projek lain dalam sektor kesihatan dan pendidikan.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

14. Bagi memastikan ketelusan dan integriti di dalam penyaluran projek wakaf ini, Jawatankuasa Hisbah Infaq Lil-Waqf ANGKASA telah ditubuhkan dan

dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Nooh Gadot dan dianggotai oleh 6 ahli yang berpengalaman dan pengetahuan luas dalam bidang wakaf. Jawatankuasa ini, berperanan bagi memastikan pengurusan dana ini berjalan

dengan telus dan efisyen berdasarkan kaedah-kaedah kontemporari dan semasa bagi memaksimumkan manfaat wakaf.

15. Alhamdulillah, ANGKASA pada hari ini melakar sejarah tersendiri

yang akanmenyerahkan bangunan
yang bernilai RM 1.56 juta ini untuk
didaftarkan sebagai aset wakaf di
bawah Majlis Agama Islam Negeri
Johor (MAINJ).

16. Saya juga sekali lagi, mengucapkan terima kasih kepada pihak MAINJ kerana **memberi kepercayaan dan melantik ANGKASA sebagai Nazir Khas Wakaf bagi bangunan ini.** Melalui MoU yang telah dimeterai, ANGKASA

diberikan hak untuk menguruskan bangunan ini dan mendapat hasil manfaat dari sewaan bangunan dengan kadar yang dipersetujui bersama.

17. Dengan pewakafan bangunan ini, ANGKASA telah melaksanakan amanah dan hasrat para penyumbang. Semoga pewakafan bangunan ini akan menjadi penyambung amal jariah

yang berterusan bagi para pewakaf sehingga hari akhirat, Insya Allah.

18. Semoga dengan pewakafan bangunan ini juga, gerakan koperasi di Malaysia yang dipelopori ANGKASA akan bertambah maju,

makmur dan diberkati Allah SWT serta mampu menjadi kuasa pemangkin perubahan ekonomi masyarakat Malaysia ini.

*Wabillahi Taufiq wal Hidayah,
Wassalamu 'Alaikum warahmatullahi
wabarakatuh*

Disediakan:

Disemak dan disahkan:

Unit Kutipan dan Pengurusan

Hj Azhar Hamzah

Dana Infaq Lil-Waqf

Pengurus Besar

Bahagian Pengurusan Syariah dan Pembangunan ANGKASA

21 Disember 2017